

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 OCTOBER 2016

# Tindakan Dr Mahathir heret Majlis Raja-Raja pecat Najib janggal

BH-15/10/2016

→ Kuasa MRR terhad, tidak boleh desak Agong singkir PM

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman  
wananwar@bh.com.my

▀ Shah Alam

Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad cuba mengheret Majlis Raja-Raja (MRR) dan Yang di-Pertuan Agong dalam gerakan pembangkang untuk memecat Perdana Menteri, Datuk

Seri Najib Razak sebagai sesuatu yang janggal.

Pengamal undang-undang, Datuk Sallehudin Saidin, berkata ini kerana kuasa diperuntukkan kepada MRR dan Yang di-Pertuan Agong dari sudut Perlembagaan Persekutuan adalah terhad.

Katanya, dari sudut undang-undang, MRR tidak boleh menasihati atau mendesak Yang di-Pertuan Agong memecat Perdana Menteri kerana tiada peruntukan khusus dalam Perlembagaan menyatakan MRR berhak bertindak sedemikian.

“Apa yang cuba dilakukan Tun (mengheret MRR mempengaruhi Yang di-Pertuan Agong memecat Perdana Menteri) sebenarnya tidak mampu memberi apa-apa implikasi kepada kedudukan Perdana

Menteri kerana kuasa Raja Melayu terhad mengikut peruntukan Perlembagaan.

## Terima sokongan majoriti

“Ia termasuk dalam soal menasihati Yang di-Pertuan Agong untuk mengambil tindakan terhadap Najib, apatah lagi menyingkirkan Perdana Menteri yang mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat,” katanya kepada media, semalam.

Beliau mengulas dakwaan Dr Mahathir bahawa MRR mempunyai hak dalam Perlembagaan untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong supaya mengambil tindakan terhadap Najib termasuk memecatnya daripada jawatan Perdana Menteri.

Sallehudin berkata, MRR ber-

tanggungjawab mengambil maklum isu, masalah atau kekusaran dihadapi rakyat dan membincangkannya pada Mesyuarat MRR seperti dalam kes 1MDB sebelum ini tetapi majlis itu hanya berhak memberi nasihat kepada kerajaan, bukan mendesak sesuatu tindakan diambil.

Mengulas tindakan Dr Mahathir dan pembangkang berterusan menjalankan gerakan menjatuhkan Najib termasuk menerusi Deklarasi Rakyat, Sallehudin berkata, Perdana Menteri hanya boleh disingkir jika sudah tidak mendapat sokongan majoriti Ahli Dewan Rakyat dan usul undi tidak percaya dikenakan terhadapnya di Dewan Rakyat.

Katanya, selagi Najib masih mendapat sokongan majoriti Ahli De-

wan Rakyat, rakyat perlu akur dan menghormati keputusan dibuat pengundi serta perlu menunggu pilihan raya umum (PRU) diadakan untuk memilih kerajaan baharu atau menukar Perdana Menteri.

## Tindakan tak berasas

“Tindakan rakyat mendesak Perdana Menteri disingkirkan seperti menerusi demonstrasi jalanan adalah tidak berasas atau sah kerana dari segi Perlembagaan, Najib tetap mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat,” katanya.

Beliau berkata, kumpulan minoriti yang mahu Najib dilucutkan jawatan harus menghormati suara majoriti kerana ia sebahagian daripada sistem demokrasi diamalkan di negara ini.